



UiTM@Media **2016**

Rencana Pilihan



UiTM@Media
2016

JANGAN PANDANG REMEH MALARIA

Siti Nadirah Hafidzin

siti_nadirah@hmetro.com.my

Malaria mungkin semakin pudar daripada ingatan kebanyakan penduduk negara ini berbanding denggi, chikungunya mahupun Zika. Namun, jangan pandang remeh kerana seperti mana-mana penyakit berjangkit, malaria cuma memerlukan satu sumber, satu pesakit (patient zero) untuk menjadi wabak besar.

Malaria boleh dikatakan penyakit yang seangkatan dengan denggi, chikungunya, untut dan Zika dari segi penyebarannya kerana semua penyakit itu boleh disebarkan melalui vektor tertentu terutama nyamuk.

Vektor penyebab bagi penyakit malaria ialah nyamuk betina spesies *Anopheles* (tiruk). Perkataan malaria sendiri berasal daripada bahasa Itali kuno yang bermaksud udara buruk kerana penyakit ini dikaitkan dengan kawasan paya dan berair (tempat pembiakan

nyamuk).

Malaria bukan penyakit baru dan dipercayai mula menjangkiti manusia sejak lebih 50,000 tahun dengan beberapa spesies parasit yang masih boleh ditemui dalam chimpanzi.

Setiap tahun malaria menyerang lebih 500 juta dan membunuh sehingga tiga juta penduduk dunia di 109 negara benua Afrika, Asia dan Amerika Latin. Eropah dan Amerika Syarikat juga tidak terkecuali dengan kes itu dan mula muncul sejak 60 tahun lalu dan dijangka boleh meningkat jika pemanasan global yang menambah sebaran habitat nyamuk tiruk.

KAITAN DENGAN KEBANJIRAN WARGA ASING

Di Malaysia, malaria yang secara umumnya sudah terkawal dan hampir berjaya dihapuskan, dilihat kembali meningkat dalam tempoh dan di kawasan tertentu.

Menurut Ahli Persatuan Parasitologi dan Perubatan Tropika Malaysia Dr Tunku Shahrul Anuar Tunku

Dipercayai
mula
menjangkiti
manusia sejak
lebih 50,000
tahun lalu



Ahmad Basri, ia dikaitkan dengan kebanjiran warga asing terutama pendatang tanpa izin yang masuk tanpa melalui pemeriksaan kesihatan dan kuarantin jika mereka membawa penyakit berjangkit.

“Di samping itu, sebanyak 2,584 daripada 3,923 kes atau 66 peratus penyakit malaria di negara ini pada 2014 dikesan berpunca daripada monyet (zoonotik) dengan membabitkan paling banyak pesakit di Sabah, Sarawak dan Kelantan.


“Keadaan ini berlaku apabila nyamuk tiruk yang menggigit monyet mempunyai malaria dan nyamuk yang sama kemudian menggigit manusia,” katanya.

PEMERIKSAAN
darah untuk
malaria.


Blood Films
(for microscopic analysis)

Thin Film

Thick Film



PERINGKAT
gametosit.



PERINGKAT
trofozoit
muda.



NYAMUK
Anopheles
betina.

BERSAMBUNG
DI SEBELAH

JENIS PARASIT PLASMODIUM

- Plasmodium falciparum (jangkitan selama 36-48 jam)
- Plasmodium vivax (jangkitan selama 48 jam)
- Plasmodium malariae (jangkitan selama 78 jam)
- Plasmodium ovale (jangkitan selama 48 jam)

Jenis perumah

- Perumah definitif - nyamuk tiruk betina (menyokong peringkat dewasa serta kitar seksual parasit)
- Perumah perantara - manusia atau haiwan vertebrata (menyokong peringkat larva serta kitar seksual parasit)

TABURAN

Terdapat di merata dunia terutama pada kawasan tropika, subtropika dan khatulistiwa.

PERINGKAT MALARIA

- Sporozoit
- Gametosit
- Skizon
- Merozoit
- Trofozoit muda
- Trofozoit matang

PROSES PENULARAN PARASIT PLASMODIUM

- Parasit Plasmodium boleh masuk dalam aliran darah melalui gigitan nyamuk tiruk betina.
- Parasit kemudian masuk ke sel hati lalu berkembang biak.

● Ketika sel hati pecah, parasit Plasmodium keluar lalu menyerang sel darah merah. Di situ, parasit terus berlipat ganda.

● Ketika sel darah merah pecah, parasit keluar dan menyerang lebih banyak sel darah merah.

● Kitaran itu terus berulang dan orang yang terjangkit biasanya mengalami tanda demam malaria setiap kali sel darah merah pecah.

TANDA GEJALA DEMAM MALARIA

- Demam berpanjangan
- Berpeluh
- Menggigil
- Sakit kepala
- Sakit otot
- Loya dan muntah
- Anemia
- Jaundis (kekuningan)
- Pembesaran hati dan limpa
- Cirit-birit

KOMPLIKASI

- Kegagalan fungsi hati dan buah pinggang
- Kemusnahan sel darah merah
- Jangkitan kuman di lapisan otak
- Limpa pecah yang mengakibatkan pendarahan yang teruk

Cara mengenal pasti parasit Setitik darah dari jari akan diambil dan diletakkan di atas slaid kaca untuk diuji

parasit malaria. Slaid itu kemudian diwarnakan dengan pewarna Giemsa. Sekiranya parasit ini terdapat dalam darah, kita akan dapat lihat peringkat seperti trofozoit muda, matang, skizon atau gametosit.

RAWATAN DEMAM MALARIA

- Chloroquine
- Quinine
- Pyrimethamine
- Sulfadoxine

PENCEGAHAN DEMAM MALARIA

Tiada vaksin khas mencegah malaria, tetapi ia boleh dicegah melalui:

- Tidur menggunakan kelambu.
- Menggunakan ubat nyamuk atau menyembur racun serangga pembunuh nyamuk.
- Memasang jaring nyamuk di jendela rumah.
- Dapatkan perkhidmatan semburan DDT.

Menurut Dr Tunku Shahrul Anuar yang juga Pensyarah Kanan Fakulti Sains Kesihatan, Universiti Teknologi MARA (UiTM) Puncak Alam, walaupun spesies nyamuk dan cara pembiakan parasit Plasmodium berbeza dengan virus denggi, akibatnya tetap sama iaitu demam dan simptom jangkitan

BERSAMBUNG
DI SEBELAH

lain yang boleh mem-
bawa maut kepada
pesakit.

Mengambil kira
situasi semasa, perkara
utama untuk dikongsi
bersama orang ramai
bukan lagi kaedah
rawatan ataupun parasit
Plasmodium yang menjadi
punca malaria.

“Apa yang penting,
kerjasama dalam
mengesan patient
zero secepat mungkin
serta mencegah
penyebaran parasit
itu dengan menyekat
aktiviti vektornya
daripada menggigit dan
menyebarkan malaria
kepada manusia.

“Segera bertemu
pegawai perubatan
berhampiran sekiranya
mula mengalami tanda
dijangkiti demam
malaria secepat mungkin.
Ia bukan saja bagi
mengesan sama ada
anda dijangkiti virus itu
atau tidak, malah apa
yang lebih utama adalah
menyelamatkan nyawa,”
katanya.



DAPATKAN
pemeriksaan
dokter segera.



DR Tunku
Shahrul
Anuar

- **Penasihat**

Profesor Emeritus Dato' Dr Hassan Said
Naib Canselor

- **Ketua Projek**

Alfina Bakar

- **Pengurus Produksi**

Darus Kasim
Rosly Mahmud

- **Penyelaras Bahan Akhbar**

Firdaus Abd Hanan
Hanisah Yacob
Datin Umminalah Salleh

- **Pembantu**

Penyelaras Bahan Akhbar

Hazizi Jantan
Nor Azlina Nordin
Samsinah Selamat
Raja Nazrul Raja Hisham

- **Pereka Grafik Utama**

Junaidy Talib

- **Pereka Grafik**

Rosdi Abdul Hamid
Mohd Nor Firdaus Mohd Isa

- **Sumber Keratan Akhbar**

Utusan Malaysia, Mingguan Malaysia, Berita Harian, Berita Minggu,
New Straits Times, The Star, Sunday Star, The Sun, Star Metro,
Kosmo, Harian Metro, Sinar Harian.

